

Lawatan Sambil Belajar ke National University of Singapore (NUS)

Oleh: Mohd Nazri Abdul Rahman & PMSSMP



Persatuan Mahasiswa Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (PMSSMP) di bawah portfolio Exco Hubungan Luar dan Diplomatik telah mengadakan lawatan sambil belajar ke *National University of Singapore* (NUS) pada 13-16 Oktober 2011. Seramai 15 orang AJK PMSSMP bersama 2 orang pensyarah pengiring iaitu Dr. Mohd Rosni Sulaiman, Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar) dan Puan Fan Hui Yin, Penyelaras Latihan Industri, SSMP.

Selaras dengan matlamat SSMP iaitu menghasilkan modal insan yang lengkap dengan pengetahuan dan keterampilan yang diperlukan untuk memikul pelbagai tanggungjawab yang merangkumi bidang sains makanan dan pemakanan, teknologi makanan dan bioproses serta perkhidmatan dan pengurusan makanan, maka NUS telah menjadi lokasi pilihan pertama PMSSMP untuk program lawatan



sambil belajar ini. Universiti ini menawarkan pelbagai jurusan dan salah satunya ialah jurusan Sains Makanan dan Pemakanan yang sejajar dengan program yang ditawarkan di SSMP.

Menerusi program ini, mahasiswa/i dapat meluaskan skop pengetahuan dan

pemikiran terhadap bidang penyelidikan dan hala-tuju kerjaya dalam bidang sains makanan dan pemakanan serta dapat meningkatkan keyakinan diri para mahasiswa/i untuk berjaya dalam bidang ini.

Objektif lawatan ini adalah seperti berikut;

- Memberi pendedahan kepada mahasiswa/i SSMP tentang budaya dan keistimewaan sistem pendidikan yang digunapakai di NUS.
- Membuka mata dan meluaskan skop pemikiran dan ilmu pengetahuan para peserta mengenai program Sains Makanan dan Pemakanan serta prospek kerjaya dalam bidang ini.
- Memupuk dan mengembangkan kemahiran berkomunikasi mahasiswa/i dan menyediakan platform kepada jaringan kerjasama penyelidikan dan aktiviti akademik di antara kedua-dua organisasi.
- Mengeratkan hubungan baik dan silaturahim di antara mahasiswa/i dan ahli akademik UMS dengan NUS melalui penyertaan dalam aktiviti kuliah, amali, perbincangan dan perkongsian pengalaman.
- Mengenalpasti kelemahan diri dan memperbaikinya secara perbandingan di antara kedua-dua institusi supaya anjakan paradigma dapat dilakukan demi menjadi mahasiswa/i tempatan yang cemerlang setanding dengan mahasiswa/i global.
- Melahirkan perasaan bangga di kalangan peserta terhadap keistimewaan program Sains Makanan dan Pemakanan yang diikuti di SSMP.

Di antara aktiviti yang disertai sepanjang lawatan ini adalah sesi kuliah bagi pelajar Tahun 3 NUS, iaitu *Nutrition and Disease Prevention* dan *Microbiology*. Peserta juga dibawa melawat makmal dan muzium sekitar Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, NUS. Para peserta juga berpeluang melawat pelbagai destinasi pelancongan di Singapura seperti *Henderson Waves*, muzium negara Singapura dan *Marina Bay Sand*.

Henderson Waves berbentuk *double helix* DNA dan merupakan sebuah tempat rekreasi di mana pengunjung bukan sahaja dapat menikmati keindahan suasana di kawasan sekelilingnya tetapi juga mempunyai ruang sesuai untuk aktiviti senaman dengan udara segar. Para peserta juga berkesempatan melawat *Singapore Science Centre* iaitu destinasi yang mempamerkan keistimewaan dan keunikan ilmu sains dalam aplikasi kehidupan seharian.

